



4 Jun 2014  
4 June 2014  
P.U. (B) 281

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 5

*DELEGATION OF POWERS UNDER SECTION 5*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERWAKILAN KUASA 1956

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 5

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Perwakilan Kuasa 1956 [*Akta 358*], Menteri mewakilkan kuasanya di bawah subseksyen 3(1) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [*Akta 275*] seperti yang berikut:

- (a) kepada pegawai yang dinyatakan dalam Jadual A:
  - (i) untuk melaksanakan apa-apa obligasi berkenaan dengan penerimaan pelaburan bagi pihak Kerajaan Malaysia di bawah semua perjanjian pinjaman dan kemudahan antara Kerajaan Malaysia sebagai peminjam dan mana-mana pemberi pinjam; dan
  - (ii) untuk membuat dan menerbitkan semua surat cara yang membuktikan pelaburan yang dinyatakan dalam subperenggan (a)(i) yang perlu diterbitkan oleh Kerajaan Malaysia di bawah perjanjian pinjaman dan kemudahan itu; dan
- (b) kepada pegawai yang dinyatakan dalam Jadual B, untuk membuat dan menerbitkan semua surat cara yang membuktikan pelaburan yang dinyatakan dalam subperenggan (a)(i) yang perlu diterbitkan oleh Kerajaan Malaysia di bawah perjanjian pinjaman dan kemudahan itu.

DELEGATION OF POWERS ACT 1956

DELEGATION OF POWERS UNDER SECTION 5

IN exercise of the powers conferred by section 5 of the Delegation of Powers Act 1956 [Act 358], the Minister delegates his powers under subsection 3(1) of the Government Funding Act 1983 [Act 275] as follows:

- (a) to the officers specified in Schedule A:

  - (i) to give effect to any obligation in respect of the receipt of an investment on behalf of the Government of Malaysia under all loan and facility agreements between the Government of Malaysia as the borrower and any lender; and
  - (ii) to create and issue all instruments evidencing the investment specified in subparagraph (a)(i) that need to be issued by the Government of Malaysia under the loan and facility agreement; and
- (b) to the officers specified in Schedule B, to create and issue all instruments evidencing the investment specified in subparagraph (a)(i) that need to be issued by the Government of Malaysia under the loan and facility agreement.

## JADUAL A/SCHEDULE A

<b>Pegawai/Officer</b>
Ketua Setiausaha Perbendaharaan/ <i>Secretary General to the Treasury</i>
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)/ <i>Deputy Secretary General to the Treasury (Policy)</i>
Setiausaha Bahagian, Bahagian Fiskal dan Ekonomi/ <i>Under Secretary, Fiscal and Economics Division</i>

## JADUAL B/SCHEDULE B

<b>Pegawai/Officer</b>
Timbalan Setiausaha, Bahagian Fiskal dan Ekonomi/ <i>Deputy Under Secretary, Fiscal and Economics Division</i>
Ketua Seksyen, Bahagian Fiskal dan Ekonomi/ <i>Head Section, Fiscal and Economics Division</i>
Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Fiskal dan Ekonomi/ <i>Principal Assistant Secretary, Fiscal and Economics Division</i>
Penolong Setiausaha, Bahagian Fiskal dan Ekonomi/ <i>Assistant Secretary, Fiscal and Economics Division</i>

Bertarikh 3 Jun 2014

*Dated 3 June 2014*

[KK/BFE/FIS/FH/(S)10/839/1; PN(PU2)183/X]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH

*Menteri Kewangan Kedua/**Second Minister of Finance*